

01/11/2000

100 pelajar, guru jayakan KKP2000

Abdul Jalil Ishak

KONSERT Kementerian Pendidikan 2000 (KKP2000) yang akan diadakan di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 3 hingga 5 November ini dijangka hebat.

Konsert yang menampilkan kehebatan lebih 100 pelajar, guru serta pensyarah universiti tempatan itu hanya dibuka kepada orang ramai pada hari pertama persembahannya.

Persembahan pada hari kedua khas bagi pegawai Kementerian Pendidikan manakala hari ketiga bagi tatapan Menteri dan ketua jabatan.

Jurucakap penganjur konsert KKP2000 berkata, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan turut berangkat menyaksikan persembahan itu selain Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sempena persembahan itu, satu bengkel khas diadakan oleh Program Pendidikan Muzik, Fakulti Sains Sosial dan Kesenian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, baru-baru ini.

Pengarah Muzik KKP2000, Zaharul Lailiddin Saidon, berkata pemilihan peserta berdasarkan kebolehan masing-masing di samping bakat profesionalisme yang ditunjukkan.

"Pemilihan anda bagi menyertai konsert KPP 2000 ini disebabkan kelebihan dari segi kaliber dan profesionalisme yang tinggi. Justeru, anda diberi peluang mewakili pelajar dan pendidik di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, muzik dapat merapatkan hubungan sesama insan melalui sikap toleransi, kerjasama, perpaduan dan kasih sayang.

"Menerusi naluri yang dianugerahi Tuhan, kita dapat membezakan bunyi yang sumbang dengan alunan bunyi harmonis, di samping keupayaan mengadun dan menyusun bunyi yang merdu," katanya.

Sementara itu, jurucakap KKP 2000 berkata, konsert itu berpaksikan Falsafah Pendidikan Negara.

Konsert KKP akan menampilkan kehebatan pemuzik dengan peralatan lengkap seperti alat tiupan, alat bertali dan alat perkusi.

Sementara itu, Pengurus Orkestra, Ramli Buyung Kahar, berkata lagu yang akan disampaikan adalah gabungan instrumental dan nyanyian.

Katanya, antara penyanyi yang akan diketengahkan ialah Johan Sinaran Pasport Kegemilangan TV3, Dayang Noraini Sahari yang akan menyampaikan lagu Sangkar Emas dan That's The Way It Is manakala Erna Elliyana Rosli membawa lagu Aku Tak Biasa.

(END)